

# Sudah-sudahlah berpolitik

## SAUDARA PENGARANG.

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kini sedang berhempas pulas memulihkan ekonomi negara dan keadaan itu dikatakan sedang memberi tekanan kepada beliau dan memaksanya bekerja tiga kali ganda lebih keras. Dalam pada itu, timbul pula krisis aneh dalam kerajaan. Dr. Mahathir bagai dipaksa memerah tenaga dengan diberi masa hanya dua tahun saja. Tidak cukup dengan itu, ada pula pihak yang sengaja membangkitkan isu peralihan jawatan yang disandang olehnya kini.

Kenapa isu peralihan kuasa ditimbulkan kini, bukannya perjanjian sudah dimeterai semua komponen pakatan semasa pilihanraya lepas? Adakah kekecohan ini sengaja dirancang? Takut sangatkah Dr. Mahathir lupa diri ingin menjadi PM sepanjang hayat? Ini kerana bagai ada yang tidak kena bila penyokong tertentu bersikap lebih sudu daripada kuah dalam isu ini.

Adakah perjanjian dua tahun hanya antara Dr. Mahathir dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim sahaja? Atau dua tahun untuk semua bakal Perdana Menteri (PM) seterusnya di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH)? Kelihatannya mat pelik dan tak berbaloi reaksi yang dipamerkan kepada rakyat oleh penyokong mereka yang sangat taksub dan tidak

sabar untuk melihat bakal pengganti PM sekarang mengambil alih jawatan tersebut. Bagi rakyat, kami terpinga-pinga apakah yang akan berlaku kepada negara di bawah pentadbiran kerajaan baharu ini dengan polisi hanya dua tahun sahaja boleh memegang jawatan PM.

Apakah yang dapat dilakukan oleh seseorang sekiranya jawatan itu disandang hanya selama dua tahun sahaja? Adakah hanya untuk memberi peluang mana-mana individu untuk 'merasa' sahaja jawatan tersebut. Sedangkan kita tahu, Dr. Mahathir yang memerintah dahulu selama 22 tahun pun mengakui bahawa dia masih gagal memajukan Malaysia. Bilakah politik carca-marba ini akan berakhir? Rakyat rata-rata sudah muak dan hilang sabar.

Bahkan situasi dalam dewan rakyat yang kerap tercemar dengan sikap menteri-menterinya yang suka membuat kecoh semasa beri penjelasan dan bersikap sambil lewa semasa bersidang tidak mencerminkan akhlak dan kredibiliti seseorang yang mewakili rakyat. Adakah ini cerminan diri seseorang wakil rakyat Malaysia? Semoga lebih ramai pemimpin seperti Dr. Mahathir menerajui negara pada masa hadapan.

**ZAIFUL AZLIN**  
Rakyat muak